

Kerajaan tanggung kos ubati 38,000 pesakit, termasuk rawatan dialisis

RM50j rawat pesakit ginjal

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

sofian.baharom@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 22 JAN.**

KERAJAAN memperuntukkan sebanyak RM50 juta setiap tahun untuk menanggung kos rawatan bagi 38,000 pesakit buah pinggang di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, sebahagian besar daripada peruntukan tersebut disalurkan untuk rawatan hemodialisis.

“Penyumbang utama kepada penyakit buah pinggang adalah penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes dan obesiti yang kian meningkat di negara ini.

“Jumlah pesakit buah pinggang di negara ini sentiasa meningkat setiap tahun dengan nisbah menunjukkan 1,182 per sejuta menghidap diabetes pada 2014 berbanding hanya 563 per sejuta pada 2004,” katanya selepas melancarkan alat rawatan dialisis, Lucenxia Intellis, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia, Datuk Dr. Zaki Mo-



S. SUBRAMANIAM (dua dari kanan) memperkatakan sesuatu kepada Low Chin Guan (tiga dari kanan) mengenai mesin dialisis dalam majlis pelancaran Lucenxia Intellis di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

rad Mohamad Zaher dan Pengarah Urusan Lucenxia (M) Sdn. Bhd., Low Chin Guan.

Dianggarkan, rawatan dialisis bagi setiap pesakit buah pinggang mema-

kan kos melebihi RM35,000 setahun.

Sementara itu, Subramaniam berkata, pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis pada 2014 adalah seramai 35,580 orang.

Menurutnya, daripada jumlah itu, kira-kira 27,600 pesakit menjalani rawatan hemodialisis manakala selebihnya menggunakan rawatan dialisis peritoneum (PD).

Beliau menambah, kerajaan turut memperuntukkan subsidi sebanyak RM21.3 juta kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta yang memberi khidmat rawatan kepada pesakit buah pinggang.

Jelas beliau, kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan pihak NGO dan swasta untuk menyediakan rawatan berkenaan secara sukarela, tidak berorientasikan keuntungan dan menggunakan dasar tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Kata beliau, penglibatan itu penting memandangkan hospital kerajaan dilihat tidak mampu menanggung jumlah pesakit buah pinggang yang kian ramai dari semasa ke semasa.

“Daripada jumlah 35,580 pesakit, hospital kerajaan hanya mampu menampung perbelanjaan untuk kira-kira 8,000 pesakit dan bakinya ditampung NGO serta pihak swasta,” katanya.

Dalam pada itu, Zaki Morad berkata, kira-kira 16,000 daripada 35,580 pesakit buah pinggang di negara ini memerlukan pemindahan buah pinggang untuk merawat penyakit mereka.